

Penyelidik UMS terus unggul dalam MTE 2023

UB 26.03.2023 P.06

KOTA KINABALU: Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berjaya merangkul sembilan pingat dan satu anugerah khas pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) yang menyaksikan penyertaan lebih 500 produk inovasi dari 15 buah negara.

Kesemua pingat yang terdiri daripada tiga emas, dua perak dan empat gangsa diraih dalam kategori International Innovation Awards (IIA) dengan menyaksikan 100 peratus kemenangan untuk semua penyertaan UMS, selain peningkatan pencapaian emas 200 peratus berbanding penyertaan pada 2021.

Pingat emas pertama dimenangi melalui produk inovasi bertajuk Interactive Pre-Maths oleh kumpulan penyelidik yang diketuai Dr. Connie Shin. Produk itu juga turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas (Special Award) daripada

Persekutuan Persatuan Pencipta Antarabangsa (IFIA).

Pingat emas kedua diterjemahkan oleh kumpulan penyelidik yang diketuai Dr. Jinky Jane C. Simeon dengan produk Sompton Video Assisted Learning (VAL) KIT.

Satu lagi pingat emas dimenangi melalui inovasi bertajuk UMS Transformation Modules for Young Inmates oleh kumpulan penyelidik yang diketuai Dr. Esther Jawing.

Dalam pada itu, Connie yang turut mengetuai kumpulan penyelidik bagi produk EcoPre-Maths sekali lagi mengharumkan nama UMS apabila inovasi mereka berjaya menyumbang satu pingat perak.

Pingat perak kedua diperoleh kumpulan penyelidik yang diketuai Prof. Madya Dr. Fauziah Sulaiman melalui inovasi bertajuk Integrated STEM-PBL Physics Module.

Empat pingat gangsa masing-masing dimenangi

kumpulan penyelidik yang diketuai Dr. Razak Mohd Ali Lee (WiRSense), Dr. Intan Soliha Ibrahim (UMSfm's Broadcasting Technology), Junaidah Januin (Prison Learning Project: Enriching Adults Inmates with Communication Modules), dan kumpulan Prof. Madya Dr. Oliver Valentine Boy (Advance Tool for Tourism).

Berlangsung selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur baru-baru ini, kesemua penyertaan penyelidik UMS dikendalikan Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PPIP).

Majlis perasmianya disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-ITI), Chang Lih Kang. Hadir sama pada majlis penyampaian anugerah ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Dr. Rosalam Sarbatly dan Pengarah PPIP UMS, Prof. Madya Dr. Jidon Janaun.